International Journal of
Arabic, Linguistic and
Literature

Jurnal iJALAL
Pusat Pendidikan ICESCO di MALAYSIA
E-ISSN: 3083-8662
2025, Bilangan 2, Isu 2, Halaman 74-89

PEMBELAJARAN KOSA KATA ARAB MELALUI PENDEKATAN TAFSIR LUGHAWI DALAM KONTEKS PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN KEAGAMAAN (BAUTK)

LEARNING ARABIC VOCABULARY THROUGH THE TAFSIR LUGHAWI APPROACH IN THE CONTEXT OF LEARNING ARABIC FOR RELIGIOUS PURPOSES

Md Noor Hussin 1[1]*, Mohamad Syukri Abdul Rahman [2], Saifulah Samsudin [3]
Ahmad Redzaudin Ghazali[4], Naqibah Mansor [*]

[1]Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor (UIS), mdnoor@uis.edu.my
[2]Profesor Madya, Universiti Islam Selangor (UIS), syukri@uis.edu.my
[3]Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor (UIS), saifullah@uis.edu.my
[4]Pensyarah, Universiti Islam Selangor (UIS), redzaudin@uis.edu.my
[5] Pelajar Sarjana, Universiti Islam Selangor (UIS), mansornaqibah7@gmail.com

*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 3 Dec 2025 | *Selepas Pembetulan: 5 Dec 2025* | *Diterima untuk terbit: 5 Dec 2025*

Abstrak

Pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan keagamaan (BAUTK) sangat penting bagi umat Islam untuk memahami teks-teks suci seperti Al-Quran dan Hadith. Pendekatan tafsir lughawi, yang menekankan pada pemahaman linguistik dan konteks kebahasaan, dapat memperkaya pembelajaran ini. Menggabungkan pendekatan ini dalam konteks Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) akan memastikan pemahaman yang mendalam terhadap ajaran Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab di kalangan masyarakat awam melalui pendekatan tafsir lughawi dengan meneliti bagaimana pendekatan ini dapat meningkatkan pemahaman mereka terhadap teks-teks keagamaan. Kajian ini juga berperanan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab serta melestarikan pembelajaran sepanjang hayat. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpulkan data. Kaedah yang digunakan ialah temu bual berstruktur untuk menilai pandangan dan pengalaman masyarakat awam yang mengikuti pengajian tafsir al-Qur'an melalui pendekatan tafsir lughawi. Kajian ini melibatkan beberapa institusi masjid dan surau yang terdapat pelaksanaan kelas tafsir Al-Qur'an secara lughawi.

Dapatan kajian menunjukkan pendekatan Tafsir Lughawi untuk pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan keagamaan membantu pelajar atau masyarakat awam dalam pemahaman dan penguasaan kosa kata.

Kata kunci
Bahasa Arab untuk tujuan keagamaan, tafsir lughawi, Kosa Arab,.

Abstract
Learning Arabic for religious purposes (BAUTK) is essential for Muslims to understand sacred texts such as the Qur'an and Hadith. The tafsir lughawi approach, which emphasizes linguistic comprehension and contextual language analysis, can greatly enrich this learning. Integrating this approach within the framework of Lifelong Learning (LLL) ensures a deeper understanding of Islamic teachings. This study aims to identify the level of Arabic vocabulary mastery among the general public through the *tafsir lughawi approach by examining how this method can enhance their understanding of religious texts. This study also serves to enhance the mastery of Arabic vocabulary and to promote lifelong learning. It was conducted using a qualitative approach to collect data. The method employed was structured interviews to assess the views and experiences of the general public who attend Qur'anic exegesis classes using the tafsir lughawi approach. The study involved several mosques and suraus that offer Qur'anic tafsir classes based on the linguistic method. The findings indicate that the tafsir lughawi approach in learning Arabic for religious purposes helps learners or the general public in improving their understanding and mastery of vocabulary.*

Keywords
Learning Arabic For Religious Purposes, Tafsir Lughawi Arabic Vocabulary

1.0 Pendahuluan.

Pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan keagamaan (BAUTK) sangat penting bagi umat Islam untuk memahami teks-teks suci seperti Al-Quran dan Hadith. Pendekatan tafsir lughawi, yang menekankan pada pemahaman linguistik dan konteks kebahasaan, dapat memperkaya pembelajaran ini. Menggabungkan pendekatan ini dalam konteks Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) akan memastikan pemahaman yang mendalam terhadap ajaran Islam

2.0 Bahasa Arab Untuk Tujuan Keagamaan.

Bahasa Arab memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan umat Islam kerana ia merupakan bahasa wahyu, iaitu bahasa al-Qur'an dan hadis. Kefahaman terhadap teks keagamaan Islam sangat bergantung kepada keupayaan memahami bahasa Arab dengan baik. Maka lahirlah satu cabang dalam bidang pembelajaran

bahasa Arab yang dikenali sebagai Bahasa Arab untuk Tujuan Keagamaan (BAUTK), atau dalam istilah antarabangsa disebut sebagai *Arabic for Religious Purposes (ARP)* (Al-Zubaidi, 2018).

Konsep BAUTK ini berkembang daripada pendekatan *Arabic for Specific Purposes (ASP)* yang menekankan keperluan mempelajari bahasa berdasarkan konteks tertentu. Namun, BAUTK lebih berfokus pada matlamat memahami kandungan agama, sama ada dalam bidang tafsir, hadis, fiqh, aqidah, mahupun dakwah (Md Noor, 2024). Ia bukan sekadar mempelajari bahasa sebagai alat komunikasi, tetapi sebagai *wasilah* untuk mendekati wahyu dan membina kefahaman Islam yang sahih.

Peranan bahasa Arab yang tidak dapat dinafikan dalam amalan keagamaan Islam menjadikannya satu keperluan untuk diajar dan dipelajari bagi tujuan keagamaan. Seperti yang dinyatakan oleh Nasir et al. (2015) dan Rosni (2009), bahasa Arab bukan sahaja berfungsi sebagai medium dalam kewajipan agama harian, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memahami teks-teks asas Islam seperti al-Quran dan Sunnah. Pandangan ini turut disokong oleh Naimah et al. (2006) serta Hassan Basri & Mohd Azhar (2005), yang menekankan kepentingan bahasa Arab dalam membantu umat Islam mendalami agama mereka melalui ibadah harian dan amalan ritual.

BAUTK menekankan penguasaan bahasa dalam konteks memahami teks wahyu dan turath Islam. Berbeza dengan pendekatan bahasa umum, BAUTK memberi tumpuan kepada kemahiran membaca dan menafsir teks keagamaan, mengenal kosa kata tematik al-Qur'an, serta memahami struktur dan gaya bahasa Arab klasik (Abdullah, 2017). Menurut Ismail (2020), BAUTK berteraskan tiga asas utama; Asas linguistic, iaitu penguasaan struktur bahasa (nahu, sarf, balaghah) sebagai alat memahami teks agama. Kedua: Asas semantik dan kontekstual, iaitu memahami makna perkataan dan ayat mengikut konteks wahyu. Ketiga: Asas spiritual dan nilai, iaitu pembelajaran bahasa disertai dengan penghayatan nilai-nilai Islam.

Walaupun kepentingan dan usaha untuk mengintegrasikan pembelajaran bahasa Arab dalam ibadah telah diperkasakan, kajian oleh Md Noor et al. (2016) mencadangkan bahawa aspek celik dwibahasa masih kurang diterokai, sedangkan ia berpotensi meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar. Kajian mereka mendapati bahawa kemahiran mendengar lebih berkembang berbanding kemahiran

produktif seperti menulis atau bertutur, yang menunjukkan ketidakseimbangan dalam pemerolehan bahasa. Oleh itu, strategi pembelajaran perlu memberi penekanan kepada pendekatan yang seimbang, yang bukan sahaja membangunkan kemahiran reseptif tetapi juga kemahiran ekspresif yang diperlukan dalam ibadah peribadi dan interaksi dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, meskipun pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan keagamaan telah diakui sebagai satu keperluan utama, masih banyak usaha yang perlu dilakukan bagi meningkatkan aksesibiliti dan keberkesanannya. Inisiatif pembelajaran harus menumpukan kepada pembangunan kemahiran bahasa yang seimbang serta program yang lebih komprehensif dalam kurikulum, agar ia dapat menangani cabaran dan keperluan khusus masyarakat. Langkah ini akan memastikan bahawa pembelajaran bahasa Arab bukan sekadar memenuhi keperluan ibadah, tetapi juga memberi makna yang lebih mendalam dalam pemahaman dan penghayatan ajaran Islam.

Justeru, Bahasa Arab untuk Tujuan Keagamaan merupakan satu bidang yang penting dalam memastikan kesinambungan tradisi keilmuan Islam. Pembelajaran bahasa Arab dalam konteks ini perlu menyeimbangkan aspek linguistik dan spiritual. Kajian literatur menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan makna seperti *Tafsir Lughawi*, integrasi teknologi, dan reka bentuk kurikulum berasaskan keperluan keagamaan mampu memperkukuh keberkesanan BAUTK.

3.0 Tafsir Lughawi.

Tafsir lughawi , atau tafsir linguistik, memainkan peranan penting dalam memahami makna al-Quran yang mendalam dan kompleks. Aziz & Saihu (2022) serta Syafrijal (2013) membincangkan kepentingan kaedah pentafsiran ini, dengan menekankan bagaimana ia menggunakan analisis tatabahasa, leksikal, dan retorik bagi mengungkap kehalusan bahasa al-Quran. Kajian sebegini memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap unsur bahasa yang mempengaruhi tafsiran dan pemahaman, yang penting bagi tujuan keagamaan dan akademik.

Namun begitu, meskipun tafsir lughawi mempunyai peranan yang luar biasa, sebilangan sarjana berpendapat bahawa masih terdapat jurang dalam penerapannya secara menyeluruh. Elmia & Khoirul (2022) menyoroti cabaran yang timbul daripada

keunikan gaya bahasa al-Quran yang tinggi, yang memerlukan kepakaran linguistik yang mendalam dan terperinci. Walaupun usaha asas telah dilakukan oleh para sarjana seperti Hasan Ali al-Aridhi (1994) dan Quraish Shihab (1996) seperti yang diulas oleh Mahdy (2023), perkembangan dalam kajian bahasa menuntut penambahbaikan metodologi secara berterusan bagi memastikan keberkesanan pentafsiran.

Selain itu, seperti yang dinyatakan oleh Syafrijal (2013), meskipun tafsir lughawi mempunyai akar sejarah yang kukuh dan telah dikembangkan oleh tokoh besar seperti Abdullah bin Abbas, penggunaannya kadangkala terlalu bersifat literal sehingga mengaburkan matlamat tafsir yang lebih menyeluruh. Kecenderungan ini boleh menyebabkan tafsiran yang terlalu tertumpu kepada aspek bentuk bahasa semata-mata, tanpa memberi perhatian yang mencukupi kepada mesej utama yang ingin disampaikan oleh al-Quran. Mahdy (2023) mencadangkan bahawa pentafsiran linguistik perlu digabungkan dengan analisis tematik dan kontekstual bagi mencapai pemahaman yang lebih holistik.

Walaupun keperluan untuk pentafsiran yang lebih menyeluruh telah diiktiraf, pelaksanaannya dalam skala yang lebih luas masih terhad. Ahmad Hilmi et al. (2020) menyatakan bahawa kepelbagaian dan pengkhususan dalam pengajian tafsir lughawi seperti Tafsir Nahw, Tafsir Saraf, Tafsir Munasabah atau Tafsir al-Amthal membuka peluang terhadap penerokaan tematik yang lebih mendalam. Namun begitu, seperti yang dikemukakan oleh Quraish Shihab (2003) dalam Mahdy (2024), tafsir lughawi merupakan suatu kaedah penafsiran yang mendominasi analisis linguistik, oleh yang demikian jika seseorang ingin menafsirkan al-Quran melalui pendekatan ini, adalah menjadi suatu keperluan untuk individu tersebut memahami bahasa al-Quran tersebut iaitu bahasa Arab dengan mempunyai pemahaman yang meluas terhadap aspek linguistik agar penyampaian terhadap teks yang terkandung dalam al-Quran tidak tersasar daripada makna yang sebenar.

Secara kesimpulannya, meskipun tafsir lughawi kekal sebagai asas penting dalam kajian al-Quran, pendekatannya perlu berkembang dengan mengintegrasikan teknik pentafsiran yang lebih luas serta strategi keterlibatan komuniti. Dengan menangani jurang dalam aspek akademik dan praktikal, tafsir lughawi dapat diperkasa agar lebih relevan dengan keperluan pendidikan dan pentafsiran semasa

4.0 Kosa Kata Bahasa Arab.

Kajian terhadap kosa kata merupakan antara aspek teras dalam bidang linguistik Arab dan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Penguasaan kosa kata menjadi asas kepada kecekapan berbahasa,sama ada dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca mahupun menulis. Menurut Nation (2001), tahap kecekapan bahasa seseorang penutur sangat bergantung kepada keluasan dan kedalaman penguasaannya terhadap kosa kata. Dalam konteks pengajaran bahasa Arab di Malaysia, isu penguasaan kosa kata masih menjadi cabaran utama dalam kalangan pelajar, terutama mereka yang berlatar belakang pendidikan bukan Arab (Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi, 2010).

Secara linguistik, kosa kata merujuk kepada himpunan perkataan yang dimiliki oleh seseorang penutur bagi menyampaikan makna dan idea. Al-Rāfiʿī (2004) menjelaskan bahawa kekuatan sesuatu bahasa terletak pada keupayaan kosa katanya dalam menggambarkan makna yang pelbagai dan halus. Dalam pengajaran bahasa Arab, pembelajaran kosa kata bukan sekadar menghafal perkataan, tetapi melibatkan pemahaman terhadap konteks, bentuk morfologi, dan hubungan semantik antara perkataan

Kajian oleh Schmitt (2008) menegaskan bahawa pelajar perlu diberi pendedahan kepada kosa kata dalam konteks autentik agar dapat mengaitkan bentuk dan makna dengan penggunaannya dalam komunikasi sebenar. Oleh itu, pendekatan kontekstual semakin mendapat tempat dalam pengajaran kosa kata Arab kontemporari.

Kajian berkaitan kosa kata bahasa Arab boleh dilihat dari tiga dimensi utama: (i) teori linguistik dan semantik, (ii) pedagogi dan strategi pembelajaran, serta (iii) pembangunan bahan dan teknologi sokongan. Bagi Kajian Linguistik dan Semantik ianya menekankan hubungan antara bunyi dan makna dalam perkataan Arab, menunjukkan bahawa kosa kata Arab bersifat sistematik dan bukan arbitrari (Ibn Jinnī,1952). Manakala Kajian Pedagogi dan Strategi Pembelajaran, ianya merujuk kepada
strategi pengajaran kosa kata berbantukan konteks dan visual membantu meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap perkataan baharu Nik Mohd Rahimi (2014). Kajian Teknologi dan Aplikasi Digital pula memfokuskan kepada aplikasi mudah alih dan e-pembelajaran dalam memperkasa pengajaran kosa kata Arab.

Misalnya, kajian oleh Alqahtani (2015) mendapati bahawa penggunaan aplikasi interaktif berbasis permainan (gamifikasi) dapat mempercepatkan pemerolehan kosa kata.

Dalam konteks bahasa Arab, pemerolehan kosa kata juga dipengaruhi oleh aspek morfologi (*ṣarfiyyah*), iaitu keupayaan pelajar mengenal akar kata (*jizr*) dan pola (*wazn*). Kajian oleh Mahmoud (2013) menunjukkan bahawa pelajar yang memahami sistem derivasi kata Arab mampu menebak makna perkataan baharu dengan lebih mudah, sekali gus mempercepatkan proses pembelajaran kosa kata.

Sebagai rumusan, penguasaan kosa kata bahasa Arab merupakan faktor utama dalam menentukan kejayaan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Pendekatan yang menekankan pembelajaran bermakna, kontekstual, dan berasaskan teknologi perlu diberikan keutamaan. Justeru, penyelidikan lanjut wajar menumpukan kepada pembangunan model pengajaran kosa kata Arab yang bersifat interaktif, autentik, dan berasaskan budaya penutur asli agar dapat memperkukuh keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia.


5.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan.

Dapatan kajian dan perbincangan merangkumi tenaga pengajar dan pelajar. Ianya adalah sebagaimana berikut;

5.1 Tenaga Pengajar.

Dalam elemen kosa kata (rujuk Rajah 1), tenaga pengajar menekankan pemahaman terhadap akar kata (*juzur kalimah*), bentuk pecahan (*awzan*), dan kata terbitan (*musytaqat*) bagi membolehkan pelajar mengenal pasti perubahan makna yang berlaku akibat penambahan huruf, perubahan baris, atau bentuk imbuhan tertentu. Melalui analisis ini, pelajar dapat memahami bagaimana setiap perkataan dalam al-Quran memiliki nilai semantik tersendiri yang membentuk makna ayat secara menyeluruh. Tenaga pengajar lazimnya menggunakan contoh-contoh langsung daripada ayat al-Quran bagi menunjukkan perbezaan makna antara perkataan yang kelihatan sinonim seperti *al-matar* dan *al-ghaith*, atau *'alima* dan *adrā*, bagi memperlihatkan kehalusan makna dan fungsi perkataan dalam konteks wahyu. Pendekatan ini berkesan dalam membantu pelajar membina kosa kata Arab secara bermakna dan mengembangkan

keupayaan mereka untuk menterjemah dan menafsir dengan kefahaman yang lebih mendalam.




Rajah 1: Elemen Kosa Kata

5.2 Pelajar.

Daripada hasil temu bual berkaitan elemen kosa kata, kajian ini telah mengenal pasti beberapa tema utama daripada dapatan tersebut sebagaimana berikut:


5.2.1 Sebutan dan Pengecaman Bentuk Kata



Rajah 2: Sebutan dan Pengecaman Bentuk Kata

Rajah di atas menunjukkan keupayaan menyebut perkataan dalam al-Quran dengan sebutan yang betul dalam kalangan ketujuh-tujuh informan. Dapatan menunjukkan kesemua informan (Pelajar 1 hingga Pelajar 7) menyatakan mereka boleh menyebut perkataan dalam al-Quran dengan sebutan yang betul. Dapatan ini menunjukkan bahawa dari segi tahap asas fonologi dan pengenalan bentuk kata, semua pelajar menguasai keupayaan asas membaca dan mengenal perkataan Arab dalam teks al-Quran. Ini menunjukkan kesemua mereka telah berada pada tahap permulaan yang sangat baik dalam penguasaan sebutan dan pengecaman bentuk perkataan.

5.2.2 Pemahaman Morfologi (Huruf dan Baris)




Rajah 3: Pemahaman Morfologi (Huruf dan Baris)

Rajah di atas menunjukkan pemahaman morfologi dari aspek huruf dan baris yang memberi kesan dan mempengaruhi makna perkataan dalam bahasa Arab. Berdasarkan kepada dapatan pemahaman morfologi dari aspek penambahan atau pengurangan huruf hanya Pelajar 1 hingga Pelajar 4 sahaja memahami bahawa setiap penambahan dan pengurangan huruf memberi kesan terhadap makna sesuatu perkataan. Walau bagaimanapun, Pelajar 5 hingga Pelajar 7 menyatakan kefahaman mereka masih terbatas.

Seterusnya, berdasarkan kepada dapatan perubahan baris pula menunjukkan majoriti pelajar memahami bahawa setiap perubahan baris memberi kesan terhadap makna sesuatu perkataan kecuali Pelajar 5 yang menyatakan ketidakpastian sama ada perubahan baris akan mempengaruhi makna perkataan ataupun tidak. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan tahap kesedaran linguistik pelajar terhadap sistem morfologi Arab masih berbeza. Ada yang sudah memahami fungsi perubahan bentuk kata secara konseptual, namun sebahagian lagi masih belum dapat menghubungkan perubahan morfem dengan makna dalam konteks ayat.

5.2.3 Perbezaan Makna Serupa




Rajah 4: Perbezaan Makna Serupa

Rajah di atas menunjukkan keupayaan pelajar dalam mengenal pasti perbezaan antara perkataan yang kelihatan serupa dalam al-Quran, contohnya perkataan xxxx. Berdasarkan dapatan, hanya Pelajar 3 sahaja mampu membezakan makna perkataan mudah yang mempunyai keserupaan dalam al-Quran. Manakala Pelajar 1 menyatakan ketidakpastian sama ada mampu membezakan ataupun tidak. Pelajar 2, Pelajar 4 dan Pelajar 5 menyatakan mereka masih tidak mampu membezakan makna perkataan yang serupa dalam al-Quran.

Seterusnya dua lagi informan dalam kalangan Pelajar 6 dan Pelajar 7 menyatakan mereka telah diberi pendedahan tentang perbezaan makna perkataan serupa ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran semantik pelajar dalam menilai perkataan sinonim masih rendah. Majoriti mereka masih belum dapat memahami makna halus antara perkataan yang serupa kerana memerlukan kepada pemahaman yang mendalam terhadap tafsir lughawi.

5.2.4 Penterjemahan Makna Literal




Rajah 5: Penterjemahan Makna Literal

Rajah 5 di atas menunjukkan keupayaan pelajar dalam menterjemahkan perkataan al-Quran yang telah dipelajari ke dalam bahasa Melayu. Sebahagian besar pelajar (Pelajar 3, Pelajar 4, Pelajar 5, Pelajar 6 dan Pelajar 7) menyatakan mereka hanya boleh menterjemah sedikit atau sebahagian perkataan sahaja yang terdapat dalam al-Quran. Manakala, Pelajar 1 menyatakan beliau tidak pasti boleh menterjemah perkataan dalam bahasa Arab ke bahasa Melayu ataupun tidak. Kajian mendapati hanya Pelajar 2 sahaja yang menyatakan beliau boleh menterjemah perkataan al-Quran yang telah dipelajari ke dalam bahasa Melayu.

Dapatan ini memperlihatkan kebolehan, kemampuan dan keupayaan menterjemah perkataan al-Quran yang telah dipelajari ke dalam bahasa Melayu masih pada tahap asas. Walaupun mereka memahami beberapa perkataan secara individu, mereka masih sukar menyesuaikan makna literal dalam konteks ayat yang sebenar.

5.2.5 Pemilihan Perkataan Tepat




Rajah 6: Pemilihan Perkataan Tepat

Rajah di atas menunjukkan keupayaan pelajar dalam proses memilih perkataan yang tepat dan sesuai bagi menyampaikan makna yang ingin diungkapkan. Majoriti pelajar (Pelajar 3, Pelajar 4, Pelajar 6 dan Pelajar 7) menyatakan mereka hanya mampu memilih sebahagian perkataan yang mudah dan dirasakan sesuai dalam al-Quran bagi menyampaikan makna yang ingin mereka ungkapkan. Manakala tiga lagi informan (Pelajar 1, Pelajar 2 dan Pelajar 5) masih tidak pasti dan masih tidak mampu untuk memilih perkataan yang sesuai dalam al-Quran bagi menyampaikan makna yang ingin mereka ungkapkan.

Dapatan ini menunjukkan kebolehan memilih perkataan yang tepat yang telah dipelajari menerusi pengajian bahasa Arab melalui pendekatan tafsir lughawi masih rendah. Pelajar lebih cenderung memahami perkataan secara literal tanpa menilai kesesuaian konteks penggunaannya.

5.2.6 Kemampuan Memahami Makna Perkataan



Rajah 7: Kemampuan Memahami Makna Perkataan

Rajah di atas menunjukkan kemampuan pelajar memahami makna perkataan dalam al-Quran mengikut kehendak ayat. Hasil temu bual mendapati hanya empat sahaja informan (Pelajar 3, Pelajar 4, Pelajar 6 dan Pelajar 7) menyatakan mereka boleh faham makna perkataan dalam al-Quran mengikut kehendak ayat secara asas. Manakala tiga lagi informan (Pelajar 1, Pelajar 2 dan Pelajar 5) masih tidak pasti dan masih tidak faham makna perkataan dalam al-Quran mengikut kehendak ayat.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa sebahagian pelajar menguasai makna perkataan dalam konteks semantik ayat, manakala sebahagian lain masih memahami secara terasing.

6.0 Kesimpulan.

Sebagai rumusan keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan pendekatan Tafsir Lughawi untuk pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan keagamaan dapat membantu pelajar atau masyarakat awam dalam pemahaman dan penguasaan kosa kata Bahasa Arab. Selain itu, kajian juga mendapati ada beberapa aspek yang perlukan penambahbaikan secara berterusan.

7.0 Rujukan.

Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali, & Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, *12*(1), 47–57. https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/4/4

Ahmad Hilmi, A. B., Mohd Yusoff, M. Y. @ Z., & Amir, S. (2020). Pengajian Tafsir Al-Quran: Sorotan Aliran Klasik dan Moden. *Sains Insani*, *5*(2), 43–50. https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no2.158

Aziz, A., & Saihu, M. (2022). Historisitas dan Sumber Tafsir Kebahasaan dalam Memahami Bahasa Al-Quran. Al Burhan: *Jurnal Kajian Ilmu Dan Pengembangan Budaya Al-Qur'an*, 22(01), 1–23

Elmia, Z. H., & Khoirul, U. (2022). Telaah Kitab Tafsir Bercorak Lughawi di Abad Pertengahan (Studi Komparasi antara Tafsir Anwar at-Tanzil wa Asrar at-Ta'wil fi at-Tafsir dan al-Bahr al-Muhit). *Al Muhafidz: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, *2*(1), 50–65.

Farhana, I. & Munirah, A. (2015). Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran, *Proceeding of the International Conference on Social Science Research*, ICSSR 2015, 8 & 9 Jun, Melia Hotel, Kuala Lumpur; 890-899

Hairun Najuwah, J. (2018). Pembangunan Komuniti Melalui Pusat Bahasa Arab Sebagai Institusi Pembelajaran Sepanjang Hayat, *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*

Hassan Basri, A. M. D., & Mohd Azhar, Z. (2005). Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan-khusus: Satu pandangan awal. *Masalah Pendidikan*, 20, 233– 244

Husna, A., & Fikri, M. (2023). Analisis Linguistik dalam Studi Tafsir Al-Qur'an Perspektif Pendidikan Islam. *ISLAMIC PEDAGOGY: Journal of Islamic Education*, *1*(2), 108–119. https://doi.org/10.52029/ipjie.v1i2.164

Jaffar, M. N., Abdul Hameed, K. R., & Ahmad, H. (2013). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama : Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti SainsIslam Malaysia. *'Ulūm Islāmiyyah Journal*, *10*(March 2019), 19–29. https://doi.org/10.12816/0002859

Md Noor, H., Ahmad Redzaudin, G., Mohammad Rofian, I., Khairatul Aqmar, A. L., Saupi, M., (2016). Tahap Penguasaan Bahasa Arab Masyarakat Awam

Melalui Pelaksanaan Pembelajaran Bahasa Arab Di Masjid, *2nd International Conference On Aqidah, Shariah and Dakwah* (IRSYAD 2016)

Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman. (2010). *Bahasa Arab Untuk Ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad

Naimah, A., Norhayuza, M., Zuraini, R., Aini, A., Juridah, A., & Midiyana, M. (2006). *Tinjauan terhadap keperluan pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BATA) di kalangan masyarakat Islam Malaysia*. Technical Report. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA.

Nasir, M. S., Yahaya, M. F., & Sahrir, M. S. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam Di Malaysia. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, March 2016, 0–34

Rosni, S. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia

Syafrijal, S. (2013). Tafsir Lughawi. *Al-Ta Lim Journal*, *20*(2), 421–430. https://doi.org/10.15548/jt.v20i2.39

Wan Mokhtar, W. R., Abd. Rahman, M. Z., Adnan, Mohamed, M. A., & Mohd Salleh, N. H. (2017). Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Arabiyat Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*,.